

BAB 2

KONSEP PEMBANGUNAN DAN PENGUNAAN IT

BAB 2

KONSEP PEMBANGUNAN DAN PENGGUNAAN IT

2. PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan dibincangkan mengenai konsep pembangunan dari berbagai perspektif seperti ekonomi, psikologi, modenisasi dan diffusi. Seorang sarjana tempatan iaitu Syed Husin Ali berpendapat pembangunan adalah menaikkan taraf ekonomi sebahagian besar masyarakat. Pencapaian yang tinggi dalam bidang ekonomi boleh menjadi asas yang kukuh bagi memaju atau membangunkan bidang-bidang lain seperti pelajaran, kemasyarakatan dan kebudayaan. Di samping itu dalam bab ini juga akan dibincangkan konsep pembangunan masyarakat dan konsep IT. IT telah didefinisikan sebagai perkakasan teknologi yang digunakan untuk memproses dan memindahkan maklumat dalam bentuk elektronik.

2.1. *Konsep Pembangunan*

Pembangunan adalah salah satu konsep yang luas dan komprehensif yang menjurus kepada maksud berlakunya satu proses peningkatan secara evolusi dan terancang bagi mencapai matlamat tertentu. Pembangunan tidak terbatas kepada hal-hal ekonomi semata-mata, sebaliknya ia meliputi semua bidang kehidupan masyarakat. Beberapa orang sarjana telah mengutarakan beberapa pandangan mengenai konsep pembangunan.

Seorang ahli ekonomi, Todaro (1977) berpendapat pembangunan adalah satu proses menyusun dan mengorientasi semula sistem ekonomi dan sosial. Pembangunan bukan sahaja melibatkan pertambahan kepada pendapatan dan pengeluaran tetapi perlu juga mengambilkira dari segi perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan. Pendapat ini selaras dengan pandangan Frank (1966) yang mengatakan bahawa pembangunan melibatkan perubahan struktur ekonomi, masyarakat, politik dan kebudayaan hasil dari konflik dalam sistem yang ada dan menjana ketidaksamaan dalam ekonomi, politik dan sosial. Mengikut Seers (1979), pembangunan boleh ditunjukkan melalui terhapusnya kemiskinan, kurang jumlah pengangguran dan rapatnya jurang ketidaksamaan.

Syed Husin Ali (1976) berpendapat pembangunan adalah bertujuan menaikkan taraf ekonomi sebahagian besar masyarakat. Pencapaian yang tinggi dalam bidang ekonomi boleh menjadi asas yang kukuh bagi memaju atau membangunkan bidang-bidang lain seperti pelajaran, kemasyarakatan dan kebudayaan. Mengikut Rahimah Aziz (1989), pembangunan sebagai perubahan berencana dan terkawal iaini proses berlakunya perubahan daripada usaha sadar manusia untuk mencapai satu matlamat mengikut rancangan-rancangan tertentu. Oleh itu pembangunan boleh dianggap sebagai anti-tesis kepada kemunduran iaitu satu keadaan yang menggerunkan dan mengaibkan masyarakat dan negara yang terjebak di dalamnya. "Bagi dua pertiga penduduk, ungkapan pembangunan ialah satu

peringatan tentang apa yang mereka tidak atau belum mencapai dan untuk mencapainya, mereka perlu tunduk kepada pengalaman dan takrifan orang lain. (Abdul Rahman Embong 2000 : 5) ”

2.1.1. Pendekatan Modernisasi

Tokoh-tokoh teori modernisasi seperti Lerner (1963), McClelland (1961) dan Hagen (1962) beranggapan bahawa kebanyakan negara dunia ketiga menghadapi masalah kurang pembangunan dan kemunduran kerana faktor nilai tradisi serta nilai sosio budaya mereka bertentangan dengan nilai-nilai persaingan sepertimana yang terdapat dalam kapitalisme barat (Lerner 1963). “Peralihan daripada hubungan ekonomi terhadap masyarakat tradisional kepada gabungan ekonomi yang kompleks dan inovatif bagi masyarakat moden, bergantung kepada nilai, sikap dan norma seseorang iaitu nilai dan norma perlu diubah terlebih dahulu. (Webster 1984 : 50) ”

Justeru itu, pembangunan akan berlaku dalam sesebuah masyarakat sekiranya ada penggantian nilai-nilai tradisional dan primitif oleh nilai-nilai moden. Mengikut Moore (1963 : 89), “...Konsep modernisasi ialah suatu transformasi secara menyeluruh masyarakat tradisional atau masyarakat pramoden menjadi masyarakat yang bercorak teknologi dan mempunyai organisasi sosial yang maju dari segi ekonomi dan secara relatifnya stabil dari segi politik.” Pandangan yang mengatakan bahawa proses pembangunan itu sendiri adalah transformasi dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain.

Untuk melangkah ke era modernisasi, negara dan masyarakat kurang membangun perlu mengambil langkah-langkah mengatasi struktur dan norma tradisional dengan membuka jalan untuk berlakunya transformasi ekonomi, sosial dan politik. Dalam ertikata lain, perlu menolak tatacara yang berkaitan dengan institusi tradisional. Pada masa yang sama menerima idea, teknik, nilai-nilai dan organsiasi baru yang didatangkan dari luar. Ini bermakna gerakan dari luar sebagai pencetus kepada pembangunan.

Sesungguhnya, "...banyak kajian telah dilakukan untuk mencari cara-cara bagaimana budaya 'moden' boleh menggantikan budaya tradisional agar halangan-halangan bercorak tradisional kepada pembangunan boleh dikurangkan atau dihapuskan. Umpamanya sikap tradisionalisme, arskripsi dan fatalistik digantikan dengan sifat pencapaian, memandang ke hadapan dan inovatif (Rahimah Abdul Aziz, 1989 :61)."

2.1.2. Pendekatan Diffusi

Satu lagi pendekatan pembangunan dikenali sebagai pendekatan diffusi atau penyebaran penyerapan bagi mencapai pembangunan yang dipelopori oleh Nash (1963). Pendekatan ini berkaitan dengan andaian pemikiran '*dualistik*' yang dikemukakan oleh Rostow (1971) serta tokoh-tokoh pendekatan struktur fungsionalis yang memisahkan ekonomi kepada dua sektor iaitu sektor tradisional dan sektor moden. Di antara kedua-dua sektor ini terdapat ketidaksamaan dari segi daya pengeluaran, modal, teknologi, organisasi, nilai dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembangunan.

Mengikut pendekatan ini, proses modenisasi akan berlaku dengan berkesan apabila terdapat unsur-unsur yang sesuai dari sektor moden diserapkan ke sektor tradisional. Melalui cara ini akan berlakulah pembangunan yang lebih seimbang antara sektor moden dengan sektor mundur.

Menurut Frank (1967), pembangunan ini merupakan diffusi ekonomi, organisasi dan budaya dari negara maju ke negara mundur. Wujudnya keadaan kurang pembangunan atau miskin kerana terdapat halangan proses diffusi tersebut. Berlakunya diffusi apabila unsur ini mengalir daripada pusat negara kapitalis maju ke pusat negara mundur, ke pekan sederhana dan kecil dan akhirnya ke kawasan pedalaman di negara mundur. Di sini jelas menunjukkan bahawa pendekatan ini memberi penekanan supaya pusat moden mesti menyalur dan menyerapkan pengetahuan, kemahiran, organisasi, nilai, institusi, teknologi dan modal ke sektor atau masyarakat tradisional melalui kontrak dan proses integrasi, diffusi dan akulturasi. Melalui proses ini lama kelamaan masyarakat negara mundur dan kurang membangun akan menjelma seperti negara maju (Nash, 1963).

Masalah diffusi teknologi tidak hanya berkait dengan soal penyaluran teknologi daripada negara maju ke negara mundur atau sekatan halangan sosio budaya yang kononnya tradisional terhadap penyerapan dan penggunaan teknologi baru di negara mundur. Masalah diffusi teknologi timbul akibat dari kewujudan monopoli dalam ekonomi peringkat dunia, kebangsaan dan tempatan.

Begitu juga dengan soal perkembangan teknologi ke kawasan luar bandar yang hanya digerakkan bagi memenuhi kepentingan perusahaan eksport semata-mata tanpa merealisasikan proses pemindahan teknologi sepertimana yang diharapkan. Penggantian teknologi hanya berlaku sesudah teknologi sedia ada tidak cukup efisien untuk memaksimumkan keuntungan pemodal. Oleh itu diffusi teknologi di negara mundur berlaku hanya sesuai dengan kepentingan pemodal. Teknologi baru akan terus menjadi asas kuasa monopoli pemodal ke atas ekonomi negara atau wilayah yang mundur. Selain daripada aspek teknologi, konsep pembangunan juga boleh dilihat dari pendekatan psikologi.

2.1.3. Pendekatan Psikologi

Tokoh-tokoh seperti Hoselitz (1960), Hagen (1962) dan McClelland (1961) menjadikan 'watak dan personaliti' individu sebagai faktor yang akan membawa kepada perubahan sosial, pembangunan dan industrialisasi dalam sesebuah masyarakat. Ini kerana perubahan sikap dan nilai adalah prasyarat untuk mewujudkan masyarakat dan sistem ekonomi dan politik moden.

Kemunduran masyarakat luar bandar berpunca daripada dua faktor utama :-

- i. Faktor psikologi iaitu mentaliti seseorang dan budaya masyarakat setempat; dan

- ii. Faktor budaya tradisi yang disifatkan sebagai penghalang utama kepada pembangunan.

Lerner (1963) misalnya mengatakan bahawa golongan miskin di negara dunia ketiga tidak mempunyai pandangan yang luas terhadap kehidupan dan hanya terkongkong dalam dunia mereka sahaja. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat di dunia barat yang sentiasa mengikut perubahan.

Hoselitz (1960) menekankan perbezaan di antara peranan sosial dan tabiat yang terdapat dalam masyarakat maju dibandingkan dengan masyarakat mundur. Padanya, masyarakat maju bersifat universalisme. Dalam masyarakat maju kononnya wujud kecenderungan ke arah pencapaian individu dan pembahagian kerja yang khusus. Masyarakat mundur pula kononnya mempunyai ciri sebaliknya. Ekoran daripada itu, Hoselitz merumuskan bahawa masyarakat mundur tidak mempunyai sifat universal; maka proses sosial terus ditentukan oleh kepentingan tertentu dan bukan oleh seluruh masyarakat.

Bagi McClelland (1961), darjah motivasi atau keperluan untuk mencapai tingkat jaya diri yang tinggi merupakan faktor yang paling penting untuk mencapai pembangunan dan perubahan sosio budaya. Pada penapat beliau, masyarakat yang mempunyai *n-achievement* (motivasi pencapaian) yang tinggi akan menghasilkan usahawan yang lebih giat dan ini akan menyebabkan masyarakat itu beroleh pembangunan dengan lebih cepat. Pandangan

McClelland (1961) ini telah dipengaruhi oleh pendapat Weber (1947, 1971) yang menekankan pentingnya faktor nilai.

Hoselitz (1960) dan McClelland (1961) pula mengenepikan struktur ekonomi dan sistem sosial masyarakat dengan meletakkan punca kemunduran ke atas perbezaan motivasi psikologi yang terdapat di antara individu. Bagaimanapun, pada pandangan Hoselitz (1960), kemunduran dapat diatasi melalui perubahan dalam sistem sosial walaupun sistem tersebut tidak mengalami perubahan menyeluruh. McClelland (1961) pula menegaskan bahawa dorongan psikologi individu perlu diubah untuk menghapuskan kemunduran (Jomo dan Shamsulbahriah, 1986). Beliau percaya bahawa motivasi pencapaian adalah pusat kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Beliau cuba menunjukkan wujudnya korelasi antara jangka waktu kemajuan ekonomi dalam sesebuah masyarakat dan kesan sikap keperluan pencapaian di kalangan anggota masyarakat (McClelland, 1961). Oleh yang demikian, penggerak utama pembangunan ekonomi ialah gelagat keusahawanan (*entrepreneurial behaviour*) yang bukannya didorong oleh keuntungan tetapi *n-achievement* yang tinggi.

Dalam konteks ini, usahawan diandaikan mempunyai dorongan psikologi untuk memperolehi pencapaian yang tinggi dalam usahanya dan ini akan menghasilkan keuntungan. Walaupun dorongan ini dianggap sebagai kuasa bebas setiap individu, beliau mengakui bahawa kadangkala ia dipengaruhi oleh faktor lain seperti pelajaran, bimbingan awal dan latar belakang individu.

McClelland (1961 : 183) menekankan bahawa "...masyarakat yang menggalakkan tingkah laku keusahawanan dan persaingan di kalangan anggota adalah lebih maju daripada masyarakat yang hanya menggunakan pendekatan tradisional terhadap persoalan ekonomi."

Terbuktilah bahawa pembangunan dan kemunduran adalah akibat daripada sifat individu dan sosial sesebuah masyarakat. Maka untuk mencapai pembangunan, masyarakat mundur mesti mengubah sifat sosio budaya dan psikologi yang wujud dalam masyarakatnya.

2.2. Konsep Kemunduran Masyarakat

Kemunduran merupakan suatu fenomena lazim di kalangan negara-negara dunia ketiga. Ciri-ciri sosio budaya rakyat sesebuah negara dikatakan sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang kepada masalah kemunduran yang berlaku terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Kenyataan seumpama ini diterima dengan meluas oleh ahli-ahli ekonomi yang rata-rata berpendapat bahawa ciri-ciri kemunduran ialah struktur sosial yang kaku dan gerak balas yang lembab dalam masyarakat. Ciri-ciri institusi sosial yang mengikut cara pemikiran konservatisme dan adat resam adalah faktor utama yang mengakibatkan kemunduran (Perroux, 1983).

Myint (1964) pula "...melihat konsep kemunduran masyarakat dalam konteks yang lebih luas, dengan memberi tumpuan kepada hubungan yang tidak seimbang antara masyarakat dan keadaan ekonomi yang berubah dan

ketidakupayaan masyarakat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan” (Jomo dan Shamsulbahriah 1986 : 45). Mengikut Meier (1964), masyarakat mundur ialah masyarakat tradisional yang tidak berjaya mengatasi masalah ekonomi yang dihadapinya. Kegagalan ini dicerminkan oleh kecekapan buruh yang rendah, faktor pengeluaran yang beku, pengkhususan yang terhad dari segi pekerjaan dan perdagangan, kekurangan usahawan, kejahilan tentang ekonomi, kekurangan ciri-ciri individualisme di kalangan anggota masyarakat dan struktur institusi, agama serta nilai-nilai moral yang kaku. Transformasi sosial yang melibatkan penyertaan ahli-ahli masyarakat merupakan aspek perubahan sosial yang menuju ke arah modenisasi. Satu daripada pendekatan utama dalam penglibatan ahli-ahli masyarakat dipanggil pembangunan komuniti.

2.3. *Konsep Pembangunan Komuniti*

Pembangunan komuniti adalah satu program yang bertujuan untuk meningkat taraf kehidupan masyarakat dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial dan kebudayaan. Penglibatan ahli-ahli masyarakat dalam semua aspek kehidupan merupakan indikator sosial utama dalam pembangunan komuniti.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (1955) telah memberi definisi pembangunan komuniti seperti berikut; (Noor Sharifah Sutan; 1990 : 174) “Proses-proses dengan mana usaha penduduk sendiri disatukan dengan pihak-pihak berkuasa kerajaan bagi mempertingkatkan keadaan ekonomi,

sosial dan kebudayaan masyarakat bagi menyatukan komuniti-komuniti ke dalam kehidupan negara agar membolehkan mereka menyumbang sepenuhnya kepada kemajuan nasional. Proses ini merangkumi dua elemen penting iaitu penyertaan penduduk sendiri dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka dan juga penyediaan perkhidmatan teknikal dan lain-lain untuk menjadikan program ini lebih berkesan.”

Menurut Jones (lihat Nor Sharifah Sutan; 1990 : 174) “pembangunan komuniti ditakrif sebagai sebarang usaha untuk memperbaiki kualiti hidup sesebuah komuniti. Mungkin akan terdapat begitu banyak idea tentang pembangunan masyarakat sama seperti banyaknya bilangan komuniti”.

Bagi sarjana tempatan iaitu Ramli W.A (1981 : 42) berpendapat pembangunan komuniti adalah “Satu gerakan khas yang dirancang untuk meninggikan taraf hidup semua masyarakat dengan peranan dan tindakan cergas serta atas daya usaha masyarakat itu sendiri.”

Dalam konsep pembangunan komuniti ini, prinsip utama yang perlu diperhatikan iaitu penyertaan komuniti. Untuk menjayakan sesuatu program pembangunan komuniti, penyertaan yang aktif daripada komuniti adalah diperlukan. Ini bermakna program pembangunan itu seharusnya memberi peluang kepada semua ahli komuniti untuk turut serta dalam program tersebut. Melalui cara ini akan lahir semangat kerjasama daripada semua pihak iaitu daripada komuniti dan juga penganjur program tersebut dan

seterusnya tercapai maksud sesuatu program itu. Melalui kerjasama dan penyertaan yang aktif daripada komuniti ini akan membawa kepada perubahan minda atau paradigma komuniti untuk mewujudkan komuniti yang lebih dinamik, progresif dan berdaya saing.

Satu lagi prinsip yang perlu diberi perhatian ialah keperluan komuniti. Dalam menganjurkan sesuatu program pembangunan masyarakat hendaklah berlandaskan kepada keperluan komuniti. Seandainya program pembangunan itu tidak berlandaskan keperluan komuniti, sudah pasti akan timbul masalah dan tidak akan mencapai objektif program tersebut. Sebaliknya kalau program itu berlandaskan keperluan komuniti, ia akan mendapat kejayaan kerana komuniti akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada program tersebut.

Satu lagi prinsip yang perlu diberi perhatian ialah mengenai objektif program pembangunan. Untuk menentukan ahli komuniti turut serta dan menjayakan program tersebut, objektif program perlu diberitahu dengan sejelas-jelasnya kepada komuniti. Kalau satu-satu program itu baik, belum tentu diterima oleh komuniti jika mereka tidak faham akan faedah yang bakal diterima. Jadi, untuk mendapatkan kerjasama, penglibatan yang aktif daripada ahli-ahli komuniti adalah menjadi tanggungjawab pihak penganjur program menerangkan objektif pembangunan dan faedah yang bakal diterima dan seterusnya mencapai kejayaan.

2.4. Konsep Teknologi Maklumat (IT)

Berbagai-bagai definisi telah diberi berhubung dengan teknologi maklumat atau IT. Pada dasarnya teknologi maklumat adalah aktiviti-aktiviti yang berasaskan komputer dan telekomunikasi. Melalui komputer dan telekomunikasi yang canggih, sesuatu maklumat daripada seseorang kepada seseorang boleh dihantar melalui komputer khususnya internet. Maklumat tersebut pula diterima dengan pantas atau 'instant' oleh sesiapa yang dialamatkan. Sesungguhnya dengan adanya teknologi yang canggih dalam bidang komputer dan telekomunikasi memudahkan perhubungan di antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Mengikut Sawyer dan William (2001; 4 : 5) "*...Information technology – 'InfoTech' - technology that merges computing with high-speed communications links carrying data, sound and video. A computer is a programmable multiuse machine that accepts data - raw facts and figures – and processes or manipulates, it into information we can use, such as summaries, totals or reports. Its purpose is to speed-up problem solving and increase productivity. Communication technology, also called telecommunication technology, consist of electromagnetic devices and system for communicating over long distances. On-line means using a computer or other information device connected through a voice or data network, to access information and service from another computer or information device. E-mail (electronic-mail) messages transmitted over a*

computer network, most often the internet. A network is communication system connecting two or more computers."

IT juga boleh didefinisikan sebagai;

"Semua jenis peralatan/perkakasan teknologi yang digunakan untuk memproses, menyimpan dan memindahkan maklumat dalam bentuk elektronik." atau;

"Teknologi yang menggabungkan teknologi komputer dengan talian komunikasi berkelajuan tinggi. Penggabungan komputer dengan teknologi rangkaian ini melahirkan penyatuan teknologi iaitu satu teknologi yang menyatukan beberapa industri melalui pelbagai peranti penukaran maklumat dalam bentuk elektronik yang boleh digunakan oleh komputer."

(lihat Mohd. Sharuddin Zakaria, et.al. ;2001 : 3)

Berdasarkan kepada definisi di atas, IT boleh membantu memudahkan perhubungan di antara satu sama lain. Begitu juga bagi organisasi, untuk menyimpan, memproses, memindahkan sesuatu maklumat melalui elektronik. Banyak lagi aktiviti-aktiviti yang boleh dibuat melalui IT. Apa yang jelas ialah IT memberi kemudahan aktiviti harian seseorang itu sekiranya kita tahu menggunakannya.

Dalam era teknologi maklumat ini, kemahiran menggunakan komputer sangat penting. Melalui komputer seseorang itu dapat menggunakan kemudahan internet. Melalui internet seseorang itu akan dapat mengambil pengetahuan atau informasi dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, kebudayaan, teknologi dan sebagainya. Untuk menjadi seseorang itu berpengetahuan, ia perlulah memahirkan diri dalam penggunaan komputer. Tanpa kemahiran, komputer tidak membawa apa-apa faedah.

2.5. Rumusan

Pembangunan adalah satu konsep yang luas dan komprehensif yang menjurus kepada maksud satu proses peningkatan secara evolusi dan terancang bagi mencapai matlamat tertentu. Pembangunan tidak terbatas kepada hal-hal ekonomi semata-mata sebaliknya meliputi semua bidang kehidupan kemasyarakatan.

Tokoh ekonomi seperti Todaro mengatakan bahawa pembangunan bukan sahaja melibatkan pertambahan pendapatan dan pengeluaran tetapi perlu juga diambil kira dari segi perubahan institusi sosial struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan. Syed Husin berpendapat pembangunan bertujuan menaikkan taraf ekonomi sebahagian besar masyarakat. Melalui pencapaian ekonomi boleh menjadi asas membangunkan bidang-bidang lain seperti pelajaran, kemasyarakatan dan sebagainya.

Tokoh-tokoh modenisasi seperti McClelland Hagen berpendapat masalah kurang pembangunan dan kemunduran di dunia ketiga kerana faktor nilai tradisi serta sosio budaya bertentangan dengan nilai-nilai persaingan sepertimana terdapat dalam bidang kapitalisme barat.

Tokoh-tokoh pendekatan diffusi seperti Nash (1963) berpendapat proses modenisasi akan berlaku dengan berkesan apabila terdapat unsur-unsur yang sesuai dari sektor moden diserapkan ke sektor tradisional. Melalui cara ini akan berlakulah pembangunan yang lebih seimbang antara sektor moden dengan sektor mundur.

Bagi tokoh-tokoh pendekatan psikologi seperti Hoselitz (1960), Hagen (1962) menjadikan 'watak dan personaliti' individu sebagai faktor yang akan membawa kepada perubahan sosial, pembangunan dalam sesebuah masyarakat. Perubahan sikap dan nilai adalah prasyarat untuk mewujudkan masyarakat dan sistem ekonomi dan politik moden (Weiner, 1966).

Satu lagi konsep yang dibincangkan dalam bab ini ialah konsep pembangunan komuniti. Bagi sarjana tempatan Ramli W.A (1981) berpendapat "pembangunan komuniti sebagai satu gerakan khas yang dirancang untuk meninggikan taraf hidup semua masyarakat dengan peranan dan tindakan cergas serta atas daya usaha masyarakat itu sendiri."

Manakala konsep IT ialah “ semua jenis peralatan/perkakasan teknologi yang digunakan untuk memproses, menyimpan dan memindahkan maklumat dalam bentuk elektronik.”

Berdasarkan kepada konsep-konsep pembangunan yang dibincangkan di atas, kita akan melihat sejauhmanakah konsep-konsep tersebut diguna pakai oleh perancang pembangunan di negara ini. Dalam bab berikut kita akan melihat program pembangunan komuniti khususnya dalam aplikasi penggunaan teknologi maklumat. Bolehkah JKKK dan masyarakat setempat menggunakan teknologi maklumat untuk berhubung di antara satu sama lain, dengan jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta untuk mendapatkan perkhidmatan yang dikehendaki.

Disinilah letaknya kepentingan kajian ini untuk menilai sejauhmana program pembangunan komuniti khususnya dalam bidang aplikasi teknologi maklumat untuk membantu kerajaan dalam pelaksanaan '*electronic Government*'.